

BERITA HARIAN

DATE: 25/10/2007

# Kapal selam Malaysia dilancar

KD Tunku Abdul Rahman lakar sejarah, masuki perairan negara pada 2009

BH - 25/10/2007

Zulkofli  
Jamaludin  
di Paris, Perancis



**K**APAL selam pertama Malaysia, *KD Tunku Abdul Rahman* yang dinamakan sempena Perdana Menteri pertama, dilancarkan secara rasmi dengan penuh tradisi tentera laut di Limbungan DCNS, Cherbourg, dekat sini semalam.

Majlis disempurnakan isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor dengan memecahkan botol berisi air Surah Yasin ke kemudi kapal selam selepas lagu *Negaraku* dinyanyikan.

Datuk Seri Najib Razak berkata, nama Tunku Abdul Rahman dipilih bagi mengenang jasa dan sumbangannya memimpin negara menuntut kemerdekaan dan meletakkan asas kukuh sehingga mampu memiliki kapal selam selepas 50 tahun merdeka.

"Dalam tempoh 36 jam kita melakarkan dua kejayaan. Pertama apabila angkasawan pertama (Dr Sheikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustapha) mendarat di bumi dan kini kapal selam pertama negara yang dirancang hampir 20 tahun lalu dirasmikan.


"Kapal selam ini mampu mengawal perairan negara dan memastikan kedaulatan serta keselamatan perairan sentiasa diberikan keutamaan, khususnya di Selat Melaka," katanya pada majlis menamakan dan merasmikan kapal selam pertama di limbungan kapal DCNS, di sini.

Turut hadir Menteri Pertahanan Perancis, Herve Morin; Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Tan Sri Abdul Aziz Zainal; Panglima TLDM, Laksamana Tan Sri Ramlan Mohamad Ali dan Duta Malaysia ke Perancis, Datuk S Thanarajasingam.

Scorpene, kapal selam jenis tempur konvensional mampu beroperasi mengawasi perairan negara pada kedalaman 100 hingga 200 meter. Dibina di Cherbourg oleh DCNS Perancis dan syarikat pengeluar kapal selam, Navantia dulunya dikenali Izar di Cartagena, Sepanyol, kapal selam pertama yang dibina di Cherbourg akan mula diuji selepas dirasmikan,



**SIMBOLIK:** Rosmah melepaskan botol berisi air Surah Yasin ke kapal selam Scorpene sebagai simbolik pelancaran dan penamaan kapal selam pertama KD Tunku Abdul Rahman di Limbungan DCNS, Cherbourg, semalam.



**MODERN:** Najib mencuba teropong ketika melawat bahagian dalam KD Tunku Abdul Rahman selepas pelancaran di Cherbourg, semalam.

## FAKTA NOMBOR

Scorpene

**67.56m**

Panjang

**6.2m**

Diameter

**1,599 tan**

Berat di permukaan

**1,758 tan**

Berat ketika menyelam

**31**

Anak kapal

**“**Kapal selam ini mampu mengawal perairan negara dan memastikan kedaulatan serta keselamatan perairan negara

**Najib Razak**  
Timbalan Perdana Menteri

manakala yang dibina di Sepanyol dijangka siap pada 2008.

Najib berkata, KD Tunku Abdul Rahman yang akan memasuki perairan Malaysia pada 2009 dapat memastikan perairan khususnya Selat Melaka menjadi kawasan selamat untuk laluan kapal perdagangan antarabangsa.

Beliau berkata, pembelian Scorpene adalah hasil kerjasama strategik kerana pegawai dan anggota TLDM dilatih mengendalikan dan menyelenggara kapal selam dengan selamat dan profesional.

Antara kelengkapan Scorpene ialah enam tiub peluru berpandu yang boleh dilancarkan serentak, peluru berpandu antikapal permukaan dan torpedo antikapal selam. Ia berkemampuan membawa 10 torpedo dan 30 periuk api, manakala pengisian peluru berpandu menggunakan sistem automatik sepenuhnya.

Tekanan udara, sistem penyejukan air dan kuasa elektrik dibekalkan empat jana kuasa diesel Izar/MTU 396 12V SE84 atau 360 elemen bateri plumbum.

Mekanisme sistem pendorongan dan elemen sokongan dibina dalam dua kebuk berasingan dengan sistem pautan elastik bagi menghilangkan kesan bunyi dan gegaran.